

oleh **ABDUL GHANI ABU**

Beri Mereka Peluang Kedua

"NASI sudah menjadi bubur. Apa-apa pun yang kita kesali tidak berguna lagi. Saya berada di sini berazam memulakan kehidupan baharu, memadam kisah duka semalam, mengorak langkah membina masa hadapan bersama-sama teman seperjuangan yang lain." Demikianlah antara luahan salah seorang pelajar Sekolah Tunas Bakti (STB), Sungai

Besi Kuala Lumpur kepada Editor *Dewan Siswa* yang baru-baru ini berkesempatan melihat sendiri dan berkongsi pengalaman dengan kanak-kanak yang menjalani pemulihan akhlak di situ.

STB dibina pada 1952 melalui peruntukan Skim Pembangunan Kolonial dan Kebajikan kerajaan British. Sekolah ini dirasmikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British Malaya ketika itu, Jeneral Sir Gerald Templar pada 24 September 1953 dengan diberi nama Sungai Besi Boys School, bersesuaian dengan status sekolah ini yang menempatkan kanak-kanak lelaki sahaja. Selaras

dengan peredaran masa dan tuntutan semasa, pada 1982 nama sekolah ini ditukarkan kepada Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi dan nama ini kekal hingga hari ini. Kini, terdapat sembilan buah STB di seluruh negara, iaitu enam buah menempatkan penghuni lelaki dan tiga buah lagi penghuni perempuan.


Objektif penubuhan STB adalah untuk memberikan pemulihan dan penjaan kepada kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah dan kanak-kanak yang tidak terkawal. Hal ini selaras dengan Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) yang menjelaskan tentang pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Seseorang kanak-kanak oleh sebab ketidaksamaannya dari segi fizikal, mental dan emosinya, memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan bantuan khas untuk membolehkannya membesar dengan baik dalam suasana yang bermau. Seksyen 2, Akta Kanak-kanak 2001 mentakrifkan kanak-kanak sebagai seseorang yang di bawah umur 18 tahun. Di bawah akta ini juga, STB disebut sebagai sekolah yang diluluskan.

"Pendekatan pemulihan yang diambil di STB ialah pemulihan secara terbuka, yang mengutamakan pendekatan terapeutik kekeluargaan. Empat elemen utama program pemulihan ialah jagaan; pengintegrasian dan perkasaan; akademik dan vokasional; bimbingan dan kaunseling; dan pengajian moral dan agama. Bagi penghuni yang berkelayakan mereka akan mengikuti pembelajaran di sekolah harian biasa. Bagi yang mengikuti pembelajaran di STB, beberapa kursus kemahiran diberikan seperti bengkel pertanian, bengkel paip, kelas komputer dan kelas pemulihan KIA2M," jelas Ismail Aruj Raj Amirudin, Pengetua STB Sungai Besi, Kuala Lumpur.

"Para penghuni diterangkan dengan pembangunan kemahiran insaniah seperti sukan bola sepak, bola tampar, selain terapi muzik dengan penubuhan kelab brasben dan kelab kompang. Mereka turut menyertai pertandingan, persembahan dan mengikuti program di luar STB. Semua ini bagi mengasosiasikan penghuni di sini dengan kehidupan bermasyarakat. Perlu diingat, penubuhan sekolah ini juga merupakan sebahagian daripada kehendak



Ismail Aruj Raj Amirudin



Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi, Kuala Lumpur, mula dibuka pada 1953.

dan keperluan masyarakat. Perkembangan sendiri seseorang individu memerlukan interaksi sosial bersama-sama masyarakat. Oleh sebab itu, masyarakat juga mempunyai peranan yang besar dalam membantu pemulihan kanak-kanak di sini," jelas Ismail yang begitu optimis dengan semangat kanak-kanak di STB yang ingin berubah.

Jelasnya lagi, "Kanak-kanak khususnya remaja sentiasa mencari ruang dan peluang semasa proses keremajaan mereka. Ada kalanya ibu bapa gagal mengesan kehendak dan keperluan anak-anak, lantas mengabaikan tanggungjawab terhadap mereka. Institusi keluarga memainkan peranan utama untuk menangani masalah devian dalam kalangan remaja. Kegagalan fungsi institusi keluarga menyebabkan remaja hilang arah dan mendorong mereka bertindak di luar kawalan dan norma masyarakat."

"Selain itu, pengaruh rakan sebaya dikenal pasti sebagai punca remaja bertindak liar. Persekitaran yang tidak kondusif dan tidak mesra remaja juga menjadi punca remaja terjebak dalam kancak perlakuan devian. Rumah yang sempit, kejiiran yang rapuh, masalah sosial di sekeliling rumah menyebabkan remaja tidak mempunyai banyak pilihan selain daripada terpaksa menerima keadaan sedia ada dengan seadanya. Selain itu, faktor agama seperti keluarga yang tidak menitikberatkan penerapan nilai agama menyebabkan remaja hilang pedoman," ujar Ismail.

Kemasukan ke STB merupakan jalan terakhir sekiranya tiada alternatif lain untuk memulihkan akhlak kanak-kanak devian. Terdapat dua prosedur kemasukan, iaitu pertama dengan perintah mahkamah di bawah Seksyen 91, Akta Kanak-kanak 2001, bagi kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah. Kedua, kemasukan di bawah Seksyen 46, Akta Kanak-kanak 2001, iaitu ibu, bapa atau penjaga membuat permohonan kepada mahkamah untuk menempatkan anak mereka di STB atas kegagalan untuk menjaga kanak-kanak dengan sempurna. Namun, beberapa pertimbangan akan dibuat oleh majistret seperti keperluan mengadakan bengkel interaktif yang melibatkan kanak-kanak, ahli keluarga dan kaunselor. Laporan akhlak yang disediakan oleh Pegawai Akhlak dan pandangan Penasihat Mahkamah juga akan diambil kira oleh



Mereka berazam untuk berubah.

majistret dalam membuat pertimbangan sebelum mengeluarkan perintah.

Mereka yang ditempatkan di STB akan menjalani proses pemulihan mengikut tempoh yang ditetapkan oleh mahkamah. Tempoh maksimum ialah tiga tahun. Setiap penghuni akan diberikan gred, iaitu bermula dengan gred E sehingga gred A, mengikut perkembangan perlakuan mereka. Jika perlakuan mereka positif dan diperakukan oleh Lembaga Pelawat STB, maka penghuni akan dipertimbangkan untuk dibebaskan lebih awal. Apabila seseorang penghuni mendapat Gred A, maka mereka akan menjalani proses integrasi bagi menyiapkan diri mengasosiasikan diri bersama-sama anggota masyarakat. Ada juga yang dihantar mengikuti latihan kemahiran seperti di Giat Mara dan institusi kemahiran lain.

Sepanjang tempoh pemulihan, penghuni akan sentiasa didedahkan dengan perkembangan dunia luar melalui sesi perjumpaan pagi. Dalam sesi ini, mereka membaca akhbar beramai-ramai. Semua ini secara tidak langsung melatih kemahiran komunikasi dalam kalangan penghuni. Bilik asrama mereka juga dilengkapi dengan televisyen. Oleh hal itu, tanggapan bahawa kehidupan di STB umpama penjara adalah meleset sama sekali. Sebenarnya, sebahagian daripada mereka sebelum memasuki STB tidak mengalami realiti zaman kanak-kanak yang sewajarnya. Oleh sebab itu, pendekatan pemulihan secara terbuka yang diamalkan di STB memastikan bahawa kanak-kanak di sini menjalani proses pemulihan secara semula jadi mengikut perkembangan kognitif dan psikologi seorang kanak-kanak.

Di STB juga diwujudkan Tribunal Kanak-kanak bagi penghuni mempertahankan diri jika didapati melakukan kesalahan di dalam asrama. Secara tidak langsung tribunal ini dapat membina keyakinan dan jati diri dalam kalangan penghuni. Tribunal ini dianggotai antaranya termasuklah pengetua, pegawai kes, penghuni sebagai peguam bela dan



Pendekatan pemulihan terbuka diamalkan di Sekolah Tunas Bakti.

pembimbing rakan sebaya sebagai pemerhati yang terdiri daripada kalangan penghuni.

Bagi Man (bukan nama sebenar), berasal dari Teluk Mas, Melaka, "Sepanjang 10 bulan berada di STB saya menjadi semakin berdisiplin dan bertambah rajin. Semasa kali pertama menjejakan kaki ke sini, saya tidak mempunyai perasaan takut kerana pernah mengalami pengalaman pahit ditahan di lokap selama dua minggu, kemudian ditahan reman selama sebulan di penjara. Saya dimasukkan ke sini atas kesalahan merogol. Saya berazam untuk merubah diri dan membantu ibu dan keluarga selepas keluar dari sini," ujar Man yang mempunyai 12 orang adik beradik yang mengisi masanya di STB dengan menambah kemahiran insaniah.

Hal berbeza pula bagi Jimmy (bukan nama sebenar), anak tunggal dari Kuala Lumpur. Gejala jiwa remaja yang gagal dikawal menyebabkan Jimmy terjebak dalam jenayah mencuri kabel. Kini, sudah hampir tiga tahun Jimmy ditempatkan di STB. "Pada masa lapang saya suka membaca buku, di samping itu saya dibawa mengikut aktiviti di luar seperti menonton persembahan makyung. Saya juga gemar bermain badminton," cerita Jimmy yang aktif bermain bola sepak.

"Semasa awal-awal masuk ke sini, saya berasa takut dan sedih kerana tidak dapat berjumpa dengan ahli keluarga. Saya hampir putus asa. Namun, apabila sudah serasi bersama-sama rakan, saya banyak belajar perkara baharu yang tidak pernah saya lakukan sebelum ini contohnya solat. Saya dimasukkan di sini atas kesalahan pecah rumah," cerita Rahim (bukan nama sebenar), dari Alor Gajah, Melaka. Anak

ketujuh daripada tujuh orang adik-beradik ini sudah 10 bulan berada di STB dan aktif bermain muzik dan sukan

bola tampar. "Saya berharap dapat kembali ke sekolah mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan menyambung pelajaran di Giat MARA. Bagi remaja di luar sana pandai-pandailah berfikir dan sentiasa mendengar nasihat daripada ibu bapa," ujar Rahim.

Cerita yang berbeza bagi Adam (bukan nama sebenar), dari Bayan Lepas, Pulau Pinang. "Pada mulanya saya berasa putus asa dengan hidup ini. Namun, di sini saya dibimbing menjadi insan yang berguna. Banyak perkara baharu yang saya pelajari seperti semasa mengikuti bengkel pertanian saya membuat baja sendiri daripada bahan kitar semula. Di bengkel elektrik, saya mempelajari cara membaiki kipas dan lampu. Saya dimasukkan ke sini untuk tempoh dua tahun kerana kesalahan mengedar dadah. Sebelum ditempatkan di sini saya banyak melepak dengan kawan-kawan dan bergaul dengan remaja yang mengambil dadah," ujar Adam yang menggemari sukan futsal, minat menyanyi dan suka melukis. Kini, sudah setahun Adam berada di STB. Adam berharap selepas keluar dari STB dia dapat membantu keluarga kerana dia merupakan anak sulung daripada tiga orang adik beradik. Pesan Adam, "Pandai-pandailah memilih kawan."

Bagi Khai (bukan nama sebenar), dari Klang, Selangor yang merupakan anak kelima daripada lima orang adik-beradik, "Setelah enam bulan berada di STB saya mengalami perubahan dan gembira. Saya tidak lagi meninggalkan solat. Saya juga berkesempatan mengikuti rombongan STB ke luar, peluang ini saya gunakan untuk memperbaiki diri saya. Saya juga mendapat latihan kemahiran di bengkel paip," ujar Khai yang dimasukkan di STB kerana kesalahan merogol. Pesan Khai, "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna."

Lain pula kisah bagi Akmal (bukan nama sebenar), dari Jerantut, Pahang. Dia dimasukkan ke STB di bawah Seksyen 46, Akta Kanak-kanak 2001, iaitu permohonan tidak terkawal. "Apabila berada di sini, saya dibimbing dengan penerapan nilai akhlak, saya dapat berkongsi masalah dan berpeluang menyertai program Pembimbing Rakan Sebaya (PRS). Saya berharap saya dapat merubah diri," ujar Akmal yang diberikan peluang untuk

mengikuti pembelajaran di sekolah biasa dalam aliran sains. Pesan Akmal yang meminati sukan bola sepak dan menyanyi ini, "Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga."

Demikianlah sebahagian daripada catatan pengalaman di STB. Mereka menjadi mangsa keadaan disebabkan oleh kegagalan fungsi institusi keluarga. Ruang dan peluang mereka terbatas. Mereka memerlukan bantuan dan sokongan moral daripada masyarakat. Mereka sebahagian daripada kita rakyat Malaysia yang terkenal dengan budaya penyayang. Berikanlah mereka peluang kedua dan bantulah mereka untuk menjalani kehidupan yang harmoni dan sejahtera. ☺



Kiri: Kawasan rekreasi.
Kanan: Bengkel kemahiran.

